KHUTBAH JUMAAT NLP
TAJUK: **BERMULA DI SINI**

اَلْحَمْدُ لِلّهِ الْقَائِل : الْحَمْدُ لِلّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلا أَنْ هَدَانَا اللّهُ...أَشْهَدُ أَنْ لاَّ اِلَهَ إِلاَّ اللّهُ وَحْدَهُ لآ شَرِيْكَ لَهُ... وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ سَيِّدُ الْخَلاَئِقِ وَالْبَشَرِ. اَللّهُمَّ فَصَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَنَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِيْنَ . أَمَّا بَعْدُ... فَيَا عِبَادَ اللّهِ... إِتَّقُوْا اللّهَ وَكُوْنُوْا مَعَ الصَّادِقِيْنَ...

Bersama kita mulakan amanah Rasulullah SAW untuk bertemu secara berjamaah mingguan ini dengan pesanan supaya bertaqwa dengan perintah dari Firman Allahu Taala; ...وَتَزَوَّدُواْ فَإِنَّ خَيۡرَ ٱلزَّادِ ٱلتَّقۡوَىٰۖ وَٱتَّقُونِ يَٰٓأُوْلِي ٱلۡأَلۡبَٰبِ

Maksudnya, *"…Dan berbekallah kamu maka sesungguhnya sebaik-baik bekalan adalah at-takwa dan bertakwalah kepada-Ku wahai orang-orang yang berakal."* (Surah *Al Baqarah*: 197)

Hadirin Para tetamu Allahu Jalla Wa'alaa…

Saban minggu kita mendengar pesanan untuk bertaqwa, namun mengertikah kita apakah itu takwa dan dimanakah letaknya takwa? Para ulama mendefinisikan ertinya dengan pelbagai makna, namun ada baiknya hari ini kita menyoroti sedikit pengertian taqwa itu mengikut pandangan Hujjatul Islam al-Imam Ghazali Rahimahullah di mana beliau memaknakan at-Taqwa itu menurut sebagaimana dijelaskan di dalam al-Quran. Pertamanya adalah ***Khasyyah*** dan ***Haibah***, iaitu ketakutan yang berbalut cinta beserta takut berbalut pengagungan hanya kepada Allahu Taala. Inilah yang difirmankan Tuhan, وَٱتَّقُواْ يَوۡمٗا تُرۡجَعُونَ فِيهِ إِلَى ٱللَّهِۖ ,maksudnya,"…*dan Takutlah kalian dari (azab yang terjadi pada) hari yang pada waktu itu kalian dikembalikan kepada Allah."* (Surah *Al-*

Baqarah: 281) dan Allahu Taala juga berfirman dalam surah yang sama ayat 41, firmanNya, وَإِيَّٰىَ فَٱتَّقُون maksudnya, *"dan hanya kepada Akulah kamu harus bertakwa."*

Hadirin sekalian… Adapun makna taqwa yang kedua adalah **Berlaku Taat dan Beribadah Semata-mata Kepada Allah SWT**. Ia membawa makna ketaatan hakiki dan mutlak hanya kepada Allahu Taala selaku Penguasa alam semesta, malah memperhamba dan mengabdikan diri hanya untuk-Nya cuma dan tidak kepada selain dari-Nya. Inilah yang terangkum dalam kalam-Nya berbunyi:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسۡلِمُونَ

Maksudnya, *"Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah sebenar-benar takwa kepada-Nya; dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan beragama Islam."* (Surah A-li Imran: 102)

Adapun yang ketiga makna at-Takwa adalah **Membersihkan Hati Dari Berbagai Dosa**. Hal membersihkan hati dari dosa merupakan suatu kepayahan yang lebih payah dari membersihkan jasad diri dari berlaku dosa atau mungkar. Maka barangsiapa yang mampu menjaga hatinya dari dosa maka dialah yang beroleh kemenangan dan kejayaan yang sebenar-benarnya. Allah SWT berfirman:

وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَيَخۡشَ ٱللَّهَ وَيَتَّقۡهِ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡفَآئِزُونَ

Maksudnya, *"Dan barang siapa yang taat kepada Allah dan rasul-Nya dan takut kepada Allah dan bertakwa kepada-Nya, maka mereka adalah orang-orang yang mendapat kemenangan." (*Surah *An-Nur*: 52)

Tiga makna takwa itulah yang dikutip oleh Imam al-Ghazali, namun dari ketiga-tiganya itu ia tidak dapat lari dari yang satu ini iaitu HATI. Di hatilah bersarangnya rasa takut dan bimbang kepada Allah Yang Maha Kuasa, di hatilah lahirnya rasa ingin berlaku taat dan mahu menjadi hamba kepada-Nya, di hati jualah tersemat segala-galanya sama ada yang baik mahu pun yang buruk. Malah lidah Rasulullah SAW yang mulia pernah bersabda: التَّقْوَى هَاهُنَا وَيُشِيْرُ إِلَى صَدْرِهِ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ maksudnya, *"Takwa itu di sini, dan Baginda SAW mengarahkan ke dadanya sebanyak 3 kali."*

Saudara dan teman-teman sejumaat sekalian… Mari kita berbicara tentang hati kerana di sinilah ia bermula, baik dan buruknya insan itu di sini, berjaya atau gagalnya dalam sesuatu perkara itu juga di sini, cemerlang di dunia atau sebaliknya jua berada di sini iaitu di hati. Oleh itu ingatlah bahawa semuanya, *"Bermula Di sini…"*. Mari kita telusuri sedikit tentang hati:

1. **Hati Yang Penuh Dengan Hasad Dengki**. Ketahuilah bahawa hati yang dipenuhi hasad dengki adalah paling tercela dalam agama. Sesiapa yang biarkan hasad dengki bersemayam di hatinya maka dalam benak hatinya penuh dengan firasat jahat dan tersumbat dengan pelbagai strategi untuk menjatuhkan orang lain yang dirasakan lebih dari dirinya. Kesumat hatinya tidak akan mudah membenarkan orang lain melebihi dan menandinginya, malah kebusukan hatinya itu akan membakar api dendam yang tidak kunjung padam. Bahkan apabila hasad dengki ini beraja di hati maka ia akan merosakkan hubungan adik beradik kandung sekalipun, apatah lagi dengan orang lain yang tiada hubungan darah, malah organisasi mampu runtuh sekiranya bebanan hasad dengki ini tidak terkawal.

Maka benarlah apa yang disabdakan Rasulullah SAW maksudnya, *"Ada tiga hal yang menjadi akar semua dosa maka jagalah dirimu dan waspadalah terhadap ketiga-tiganya. (1) Waspadalah kamu terhadap kesombongan sebab dengan kesombongan itu telah menjadikan iblis menolak untuk sujud kepada Adam AS. (2) Waspadalah kamu terhadap kerakusan (tamak) sebab kerakusan telah menyebabkan Adam memakan buah dari pohon yang terlarang dan (3) waspadalah kamu dari hasad dan dengki kerana sebab dengkilah telah menyebabkan salah seorang anak Adam membunuh saudaranya sendiri."* (Riwayat Imam Ibnu Asakir)

2. **Belajar Dari Hati Abu Bakar As-Siddik RA**. Tuan-tuan sekalian… Saya ada hati, tuan-tuan ada hati dan setiap manusia itu ada hati, namun apa beza hati kita semua dengan Saidina Abu Bakar RA…? Adakah ibadah yang mengalahkan Abu Bakar berbanding dengan manusia lain… Ayuh kita renungi… diriwayatkan bahawa Abdullah bin Amru bin al'Ash, "bacaan al-Qurannya lebih banyak dari Saidina Abu Bakar RA.., Imam asy-Syafie mampu mengkhatamkan al-Quran 60 kali dalam sebulan Ramadan…". Kata Syeikh Abu Razq bahawa Saidina Abu Bakar RA bukan hanya sahabat terbaik tetapi dialah manusia terbaik selepas para nabi dan rasul berbanding dengan seluruh sekalian pengikut para nabi terdahulu. Bahkan dirinya dipilih untuk menemani hijrahnya Rasulullah SAW bahkan puterinya Saidatina A'isyah RAnha menjadi isteri Baginda rasul SAW. Namun kata Imam Ibnu Rajab bahawa Saidina Abu Bakar RA tidak mengalahkan para sahabat dan manusia lain dengan hal-hal itu, tidak juga dengan solatnya atau puasanya atau bacaan al-Qurannya, bahkan pada pandangan zahir mungkin masih ada manusia lain yang mampu beribadah lebih dari Saidina Abu Bakar RA, akan tetapi

apakah yang memenangkan Saidina Abu Bakar RA ke atas seluruh para sahabat dan manusia lain…?

Maka jawabnya adalah apa yang tertancap dan terpasak kukuh di dalam dadanya, nun jauh di dalam hatinya dan kata para ulama itulah rasa KECINTAAN, KEIMANAN dan KEYAKINAN kepada Allahu Taala yang tiada tolak bandingnya dengan seluruh hati-hati manusia walaupun dihimpun seluruh hati orang yang beriman hingga ke hari kiamat sekalipun. Masya Allah hebatnya cinta dan iman di hatinya, lantas mampukah kita belajar untuk menjadikan hati kita biar sedikit lebih terasa untuk kasih dan cinta kepada Allahu Taala dan Rasul-Nya Nabi Muhammad SAW. Sahabat sekalian… mungkin hari esok masih ada, marilah kita berusaha ke arahnya… Adapun yang ketiga dan terakhir untuk renungan dalam khutbah hari ini:

3. **Binalah Hati Yang Sentiasa Mengingati Mati**. Al-Imamul Qurtubi dalam menafsirkan ayat 77 dari surah al-Qasas yang berbunyi:

وَٱبْتَغِ فِيمَآ ءَاتَىٰكَ ٱللَّهُ ٱلدَّارَ ٱلْـَٔاخِرَةَ ۖ وَلَا تَنسَ نَصِيبَكَ مِنَ

Maksudnya, *“Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi.”*

Sebahagian ulama dan kita memahami dari zahir ayat itu bahawa Allah memerintahkan supaya kita mencari keperluan akhirat namun jangan dilupakan akan segala hak dan tanggungjawab di dunia. Imam al-Qurtubi tidak menyalahkan pandangan itu kerana ada kebenarannya namun Imam Qurtubi lebih memilih untuk menfasirkan ayat وَلَا تَنسَ نَصِيبَكَ مِنَ ٱلدُّنْيَا *“dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari*

(kenikmatan) duniawi." dengan makna bahawa, *"Cari dan kejarlah apa pun yang kita mahukan di dunia ini, namun harta dunia yang akan kekal tidak lain dan tidak bukan hanyalah kain kafan semata-mata."*

Hadirin sidang kekasih Allahu Taala yang dimuliakan…

Hidup ini tidak lama, buat apa kita merosakkan umur yang sedikit dengan dosa, maksiat dan mungkar yang banyak…? Buat apa kita merosakkan ketenangan dan kedamaian hidup ini dengan khianat, irihati dan dengki sesama manusia… Ingatlah bahawa bermula di sini… di dunia ini, di alam syahadah (nyata) ini akan diperhitungkan nanti setiap amalan kita di hadapan Allah Rabbul Jalil… adakah kita ingin hidup sengsara di barzakh, mahsyar dan akhirat hanya kerana inginkan sedikit kemewahan dan kesenangan dunia dengan cara yang tidak diredhai Allahu Taala. Ingatlah bahawa kita akan mati dan barangsiapa yang banyak mengingati mati maka dia akan memperoleh 3 kemuliaan. Imam al-Daqqaq berkata, *"Barangsiapa yang banyak ingat akan mati maka dimuliakan dengan tiga perkara iaitu, (1) Bersegera bertaubat kepada Allah SWT (2) Rasa cukup dengan dunia (3) Rajin melakukan ibadah."*

Semoga dengan khutbah hari ini… ***Bermula Di Sini***… di hati ini, di tempat ini, di hari ini, di masa ini, di hidup ini, di dunia ini akan menatijahkan pengakhiran hidup kita yang bahagia dunia mahupun akhirat.

بَارَكَ اللهُ لِىْ وَلَكُمْ فِىْ القُرْءَانِ العَظِيْمِ.. وَنَفَعَنِى وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الحَكِيْمِ ..وَتَقَبَّلَ مِنِّىْ وَمِنْكُمْ تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ العَلِيْمُ... أَقُولُ قَوْلِى هذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ العَظِيْمَ لِىْ وَلَكُمْ... وَلِسَائِرِ المُسْلِمِيْنَ وَالمُسْلِمَاتِ وَالمُؤْمِنِيْن وَالمُؤْمِنَاتِ... فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ المُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْن.